



PARA pemenang bersama YDP Astaka Sabah, Sahran Untai.

30 pasukan meriahkan Takraw Terbuka UMS

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY
joanes@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Sebanyak 30 pasukan telah menyertai Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 anjuran Kelab Sepak Takraw UMS selama dua hari di Dewan Kuliah Pusat A1 UMS, baru-baru ini.

Objektif pengajianan kejohanan yang julu-julung kalinya diadakan ini adalah untuk memperkenalkan UMS kepada masyarakat setempat selain bagi mengerakkan hubungan di antara pihak universiti dan masyarakat luar.

Kejohanan itu telah dirasmikan oleh Presiden Persatuan Sepak Takraw Sabah (Astaka), Datuk Awang Sham Hj. Amit,

"Dengan adanya pengajianan seperti ini, masyarakat akan mengenali dengan lebih mendalam tentang perkembangan sukan sepak takraw di UMS, buktinya, kejohanan 30 pasukan telah menyertainya," kata Awang dalam ucapan beliau.

Johan, bagi kejohanan kali ini membawa pulang wang tunai sebanyak RM1000, tempat kedua membawa RM600 dan pemenang tempat ketiga berjaya membawa pulang RM300, dan kesemua pemenang turut membawa pulang piala kejohanan.

Perlawanan akhir yang berlangsung selama 45 minit memperlihatkan pelbagai aksi yang menarik di antara kesemua pasukan.

Bagi perebutan juara dan naib juara menyaksikan Papar 'A' berjaya menewaskan pasukan Brunei 88 'B' yang

berlanjutan ke set ketiga.

Brunei 88 'B' bagaimanapun bermain baik sebelum tewas dengan kiraan mata 15-12, 9-15 dan 9-15.

Kehadiran pasukan Brunei 88 selaku pasukan jemputan pada kali ini juga diakui telah berjaya memberi tumparan yang hebat kepada pasukan tempatan yang lain.

Manakala pasukan Sahabat Masjid Nabawan dan pasukan Kota Belud 'A' masing-masing berkongsi kedudukan di tempat Ketiga.

Sementara itu, Tekong pasukan Papar 'A' Rozmie Mat Yassin, turut dinobatkan sebagai pemain terbaik Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UMS 2013 untuk membawa pulang wang tunai sejumlah RM100 berserta piala.


Menurut salah seorang pensyarah UMS, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, pengajianan sulung ini merupakan salah satu usaha untuk membudayakan sukan tradisi di peringkat negeri Sabah.

Malah, katanya kehadiran nama-nama besar dalam sukan sepak takraw Sabah pada kejohanan ini turut menjadi suntikan semangat untuk pengajianan pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Pengarah kejohanan, Shariff Md Idris Md Sani berkata pengajianan seperti itu perlu diperbanyak bagi mengerakkan hubungan di antara pihak Universiti dan masyarakat luar dalam meningkatkan lagi hubungan sosial di antara satu sama lain.



SERVIS KENCANG...Rozmie melakukan servis yang berjaya mengelirukan pasukan lawan.



AKSI perlawanan akhir di antara Papar 'A' (Oren) menentang Brunei 88 'B' (Hijau).



TERBAIK...Pemain Terbaik kejohanan, Rozmie Mat Yassin, Tekong pasukan Papar 'A'.